



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 01/2025



MEMANFAATKAN MUSIM CUTI SEKOLAH

17 JANUARI 2025 | 17 REJAB 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ
يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Cuti sekolah adalah saat yang dinanti-nantikan oleh anak-anak kerana mereka mahu bebas daripada buku-buku pelajaran, aktiviti kokurikulum atau pun kelas tambahan. Inilah masanya untuk mereka berehat, berseronok dan melakukan sesuatu yang disukai oleh mereka.

Sebenarnya masa cuti persekolahan bukanlah untuk dihabiskan sepenuhnya dengan berseronok dan melupakan terus pelajaran sekolah. Ibu bapa mestilah merancang aktiviti yang dapat memanfaatkan masa cuti sekolah anak-anak mereka dengan sebaik-baiknya.



Perlu diingat bahawa pada musim cuti sekolah inilah pelbagai peristiwa atau tragedi kerap kali berlaku seperti kemalangan jalanraya, mati lemas dan lain-lain. Oleh itu, bantulah anak-anak menguruskan masa cuti bagi memastikan mereka selamat. Demikian juga, bantulah mereka agar tidak terjebak dengan aktiviti sosial yang tidak bermoral dan merosakkan seperti merempit, menghisap rokok dan vape sehingga terjebak dengan penagihan dadah. Tugas kitalah mendidik mereka sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Yang bermaksud: *"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi".*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Ta’ala

Masa itu ibarat emas, namun kebanyakan manusia kadang-kadang terlupa dan terleka untuk memanfaatkan nikmat masa lapang dan kesihatan tubuh badan dengan sebaik-baiknya. Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Yang bermaksud: *"Dua nikmat yang sering memperdaya manusia; kesihatan dan kelapangan masa".*



Ketahuiilah bahawa orang yang bijak mengurus masa dengan melakukan perkara yang berfaedah adalah orang yang berjaya. Sebaliknya orang yang lalai dan membuang masa adalah orang yang rugi. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-'Asr ayat 1 hingga 3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

Yang bermaksud: *"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran".*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Amanah ibu bapa bukan hanya setakat memenuhi keperluan fizikal dan pendidikan anak-anak tetapi yang lebih utama ialah menyemai dalam diri mereka nilai-nilai agama sejak daripada kecil lagi. Kita hendaklah mengambil contoh Luqman al-Hakim mendidik anak-anaknya. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Luqman ayat 17 yang bermaksud: *"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.*



Pengawasan ibu bapa kepada ahli keluarga agar tidak terlibat dengan perkara-perkara yang merugikan dan mendatangkan dosa adalah tanggungjawab yang penting dan utama. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا قُوْا اَنْفُسَكُمْ وَاَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُوْنَ اِلٰهَ مَا اَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُوْنَ مَا يُؤْمَرُوْنَ

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”*

Justeru janganlah sesekali membiarkan anak-anak menghabiskan masa cuti sekolah dengan perkara yang tidak berfaedah. Contohnya menonton siaran dan program di televisyen tanpa pengawasan, bermain *game* (permainan) di telefon pintar tanpa had masa dan berjumpa kawan-kawan tanpa mengira masa siang atau malam.

Sebagai ibu-bapa juga hendaklah sentiasa berdoa untuk kesejahteraan anak-anak kerana doa ibu-bapa boleh menyebabkan kehidupan anak dirahmati, diberkati dan dilindungi daripada segala bencana. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Furqan ayat 74:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا

Yang bermaksud: “Dan orang yang berkata, “Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami pasangan kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertakwa.”

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Terdapat bermacam-macam aktiviti yang boleh dirancang dan dilaksanakan pada musim cuti persekolahan seperti mengajak anak-anak menunaikan solat fardhu secara berjemaah di masjid. Di samping itu, bimbinglah anak-anak mempelajari al-Quran. Ajaklah mereka membantu kerja-kerja di rumah dan menziarahi sanak saudara. Bawalah anak-anak melawat ke tempat-tempat menarik di negeri kita khususnya seperti ke tempat-tempat bersejarah ataupun tempat perlancongan seperti tanah tinggi, air terjun, sungai, pantai, taman negara dan lain-lain sekiranya cuaca mengizinkan. Anak-anak juga boleh memanfaatkan perpustakaan awam dan boleh dihantar untuk menyertai kursus jangka pendek seperti kelas ICT, kelas fadhu ain, kem solat, kelas-kelas kemahiran atau apa sahaja aktiviti yang bersesuaian dan dapat memberi nilai tambah kepada pembentukan jati diri anak-anak kita.

Kesimpulannya, sebagai ibu-bapa, kita perlu mengambil berat terhadap aktiviti anak-anak semasa cuti sekolah. Isilah masa cuti anak-anak dengan perkara



yang berfaedah terutamanya mendalami agama dan kemahiran-kemahiran yang lain. Uruskan masa anak-anak dengan baik dengan meraikan perkembangan emosi, mental dan fizikal mereka. Waspadalah dalam melakukan aktiviti-aktiviti bagi mengelakkan berlakunya tragedi kepada anak-anak. Semoga anak-anak kita terpelihara di musim cuti sekolah ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.